

Penyakit jantung iskemik kekal punca utama kematian

20,322 kematian disahkan tahun lalu, pneumonia kedua tertinggi

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penyakit jantung iskemik (*ischaemic heart disease*) masih kekal menjadi penyebab utama kematian di negara ini pada tahun lalu.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata penyakit itu mencatat 20,322 kematian atau 16.1 peratus daripada jumlah kematian yang disahkan secara perubatan.

Berdasarkan laporan Perang-

kaan Sebab Kematian Malaysia 2023 yang dikeluarkan semalam, penyakit jantung iskemik kekal sebagai sebab kematian utama sejak lebih dua dekad lalu kecuali pada 2021 di mana COVID-19 menjadi sebab kematian utama.

Semua kumpulan etnik

Laporan itu turut menyebut penyakit pneumonia mencatatkan punca kematian kedua tertinggi di negara ini dengan 13.3 peratus diikuti penyakit serebrovaskular (7.2 peratus), COVID-19 (4.2 peratus) dan kemalangan kenderaan (3.2 peratus).

Selain itu, penyakit *malignant neoplasm of trachea*, bronkus dan paru-paru (2.1 peratus), penyakit kronik pernafasan bawah (1.8 peratus), hipertensi (1.7 peratus), kencing manis (1.7 peratus) dan tumor payudara (1.5 peratus).

"Sebanyak 13,817 kes atau 18.2

peratus kematian disebabkan penyakit jantung iskemik adalah dalam kalangan lelaki, manakala sebab utama kematian bagi perempuan adalah pneumonia iaitu 7,201 (14.3 peratus)," katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya, 206,525 kematian direkodkan pada 2022 iaitu 126,268 atau 61.1 peratus adalah sebab kematian disahkan secara perubatan dan 80,257 (38.9 peratus) sebab kematian tidak disahkan secara perubatan.


Mohd Uzir berkata, amalan gaya hidup dan pengambilan makanan yang tidak sihat adalah antara penyumbang kepada kematian disebabkan penyakit jantung iskemik pada masa kini.

"Faktor risiko utama penyebab penyakit ini termasuk merokok, paras kolesterol yang tinggi, tekanan darah tinggi, diabetes dan faktor usia," katanya.


Perangkaan sebab kematian di Malaysia 2023

Statisitik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)


10 sebab kematian utama 2022



Sebab kematian utama mengikut kumpulan umur



Sebab kematian utama mengikut jantina



Sebab kematian utama mengikut kumpulan etnik utama



Nota: Analisis adalah berdasarkan sebab kematian yang disahkan secara perubatan yang mewakili 61.1 peratus daripada jumlah kematian

Sumber: Perangkaan Sebab Kematian, Malaysia 2023 Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)